



PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN  
Centre for Continuing Education

## IKLAN JAWATAN KOSONG

**Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)** mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan untuk mengisi **SEGERA** kekosongan jawatan seperti berikut:

### JAWATAN: PEMBANTU TADBIR

Kumpulan : Sokongan  
Taraf Jawatan : Kontrak (Sepenuh Masa)

### SYARAT LANTIKAN:

Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (1) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (2) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (3) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### KEPERLUAN:

Keutamaan adalah diberi kepada calon yang —

- (1) berpengalaman bekerja di Institusi Pengajian Tinggi (awam/swasta);
- (2) berkemahiran menggunakan aplikasi Windows (*Microsoft Office, Excel* dan *Powerpoint*) serta analisis data; dan
- (3) mempunyai hubungan interpersonal yang baik serta mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

### DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas perkeranian dan operasi merangkumi pentadbiran am, sumber manusia, akademik, perkhidmatan kaunter dan pemrosesan, pengumpulan data serta maklumat, pengendalian rekod, dokumen dan fail yang berkaitan.

### LAIN-LAIN FAEDAH:

- ✓ Caruman KWSP majikan: 17%
- ✓ Cuti tahunan 21 hari
- ✓ PERKESO
- ✓ Skim perubatan (rawatan pesakit luar/dalam)
- ✓ Bonus tahunan (tertakluk kepada keuntungan)

### JADUAL GAJI:

Gaji Minimum  
RM1,332.00

Gaji Maksimum  
RM3,934.00

Elaun  
RM570.00

### PROSEDUR PERMOHONAN:

- (1) Permohonan jawatan di atas perlu dibuat secara dalam talian (*online*) melalui <http://career.umcced.edu.my>
- (2) Tarikh tutup permohonan adalah pada **26 Mei 2023 (Jumaat)**.

*Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pemohon yang telah menunjukkan minat dalam organisasi kami. Walau bagaimanapun, hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga. Kepada pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan, sila anggap bahawa permohonan anda tidak berjaya.*